

28 JUL 1997

PEMUDA -Hak Asasi

PEMUDA SOKONG DEKLARASI HAK ASASI MANUSIA DIKAJI SEMULA

KUALA LUMPUR, 28 Julai (Bernama) --Pergerakan Pemuda UMNO menyifatkan cadangan supaya deklarasasi hak asasi manusia dikaji semula sebagai tepat pada masanya ketika sikap negara negara maju yang cenderung untuk menggunakan isu itu bagi kepentingan ekonomi dan politik mereka.

"Satu pihak tidak boleh memulau Myanmar dan pada masa yang sama mengiktiraf Israel" kata Naib Ketua Pergerakan itu Datuk Hishammuddin Hussein hari ini sebagai mengulas pendapat Penasihat Ekonomi Kerajaan supaya deklarasasi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu itu dikaji semula berdasarkan kepada ketidaksesuaiannya dengan standard pencapaian manusia sejagat sekarang.

Semalam Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata faktor asas dalam deklarasasi itu yang digubal kuasa dunia 50 tahun lalu tidak lagi sesuai dengan perubahan sekarang.

Hishammuddin berkata amat penting bagi rakyat Malaysia serta negara dalam ASEAN menjelaskan pendirian masing-masing berhubung isu hak asasi manusia yang bersandarkan kepada nilai, keutamaan dan kesesuaian keadaan kita sendiri.

"Kebangkitan negara Asia telah menyemarakkan keyakinan baru di kalangan rakyat untuk menterjemahkan dan mengenegahkan padangan kita dalam hal ini dan masanya telah tiba bagi kita mengkaji semula konsep hak asasi barat yang tidak mengambil kira nilai ketimuran," katanya dalam satu kenyataan.

Hishammuddin berkata hak asasi menurut kefahaman dan tafsiran negara barat berkisar kepada hak sivil dan politik semata-mata dan ini bermakna ekonomi, sosial dan hak asasi yang berkaitan pembangunan dinafikan.

Beliau berkata hak asasi manusia mestilah diterima pakai tanpa pilih kasih dan ditangani dengan sama rata di mana tindakan menuduh perkara tertentu dengan menutup mata di pihak lain demi kepentingan peribadi yang sempit, kepentingan budaya yang berat sebelah dan kepentingan negara serta kelompok tertentu tidak boleh dipertahankan.

Beliau berkata sekiranya hak asasi manusia hendak ditingkatkan, ia haruslah dilakukan dengan semangat kerjasama, hormat menghormati, saling berkongsi pendapat dan pandangan serta mengadakan dialog yang lebih bermakna di antara negara dan institusi antarabangsa.

Katanya jika keadilan itu hendak diwujudkan, satu agenda kefahaman bersama yang lebih besar dan telus hendaklah disemarakkan dan prasangka buruk dan prejudis terhadap sesebuah negara dielakkan.

Hishammuddin berkata saranan negara kita agar deklarasasi itu di kaji semula adalah wajar kerana Malaysia merupakan sebuah negara berbilang bangsa, budaya, agama dan bahasa dan berkemampuan mengenegahkan prinsip hak asasi manusia yang lebih sejagat. -- BERNAMA

AKT WAT